

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN RAKYAT 1MALAYSIA (BR1M) 2017

SKIM KHAIRAT KEMATIAN (SKK)

- 1. S: Siapakah yang layak menerima Skim Khairat Kematian (SKK)?**

J: Penerima BR1M 2017 bagi kategori isi rumah dan warga emas yang meninggal dunia dalam tempoh 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017.
- 2. S: Siapakah waris yang dibenarkan / layak untuk membuat tuntutan SKK BR1M 2017?**

J: Waris yang layak didaftarkan oleh penerima di Bahagian D (Maklumat Waris) pada Borang BR1M 2017 mestilah terdiri daripada hubungan berikut:

 - i. Ibu / Bapa
 - ii. Pasangan
 - iii. Anak
 - iv. Adik-Beradik
- 3. S: Bila dan dimanakah pembayaran SKK BR1M 2017 boleh dibuat?**

J: Pembayaran SKK BR1M 2017 boleh dituntut di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 18 Februari 2017.
- 4. S: Apakah dokumen yang perlu dibawa oleh waris semasa tuntutan SKK di BSN?**

J: Dokumen yang perlu dibawa oleh waris yang didaftarkan adalah:

 - i. Sijil Kematian (Asal / salinan) penerima; dan
 - ii. Kad Pengenalan Asal waris
 - iii. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan wakil / waris seperti:
 - a. Sijil Kelahiran; atau
 - b. Sijil Perkahwinan; atau
 - c. Surat Pengesahan pemimpin tempatan yang dilantik oleh kerajaan dan jelas menyatakan hubungan di antara wakil dan penerima
- 5. S: Berapakah had umur untuk melayakkan seseorang menjadi waris?**

J: Tiada had umur kelayakan seseorang untuk menjadi waris kepada penerima BR1M 2017. Walau bagaimanapun, bagi waris yang berusia 17 tahun ke bawah, dokumen seperti jawapan bagi soalan (4) perlu di bawa dan cap jari / tandatangan individu yang hadir bersama waris perlu diperolehi.

6. **S: Saya bukan warganegara Malaysia tetapi menetap di Malaysia, adakah saya layak didaftarkan sebagai waris?**
- J: Ya, jika anda bukan warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia, anda layak menjadi waris sekiranya hubungan anda dan penerima adalah terdiri daripada ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik yang menetap di Malaysia.
7. **S: Berapakah jumlah SKK yang akan diterima?**
- J: Waris akan menerima sebanyak RM1,000.

PENUNAIAN BR1M 2017 OLEH WAKIL DAN TUNTUTAN SKK OLEH WARIS

8. **S: Sekiranya penerima masih hidup tetapi uzur / kurang upaya / sakit berpanjangan atau mempunyai halangan untuk membuat penunaian BR1M di BSN, siapakah wakil yang dibenarkan untuk membuat penunaian berkenaan bagi pihak penerima BR1M 2017?**
- J: Waris yang didaftarkan di Bahagian D (Maklumat Waris) pada borang BR1M 2017 juga boleh bertindak sebagai wakil dalam membuat penunaian BR1M 2017 bagi pihak penerima.
9. **S: Apakah dokumen yang perlu di bawa semasa mewakilkan penerima bagi penunaian / membuat tuntutan BR1M 2017?**
- J: Dokumen yang perlu dikemukakan oleh wakil / waris yang berdaftar adalah seperti berikut:
- i. Baucar / Surat Makluman LULUS BR1M 2017 asal penerima
 - ii. Kad pengenalan (asal atau salinan) penerima
 - iii. Kad pengenalan (asal dan salinan) wakil
 - iv. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan wakil / waris seperti:
 - a. Sijil Kelahiran; atau
 - b. Sijil Perkahwinan; atau
 - c. Surat Pengesahan pemimpin tempatan yang dilantik oleh kerajaan dan jelas menyatakan hubungan di antara wakil dan penerima
 - v. Dokumen sokongan yang mana berkaitan:
 - a. Surat Pengesahan daripada Penjara / Pusat Serenti (jika penerima berada di penjara atau Pusat Serenti); atau
 - b. Surat Pengesahan Majikan sebagai bukti penerima berada diluar negara kerana menjalankan tugas; atau
 - c. Surat pengesahan hospital jika penerima menerima rawatan di hospital; atau
 - d. Surat pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) / Pengusaha Rumah Jagaan; atau
 - e. Surat kebenaran / pengesahan daripada hospital / ketua kampung / Ketua Kawasan dan ke atas bagi penerima yang uzur (tidak berdaya untuk bergerak); atau
 - f. Kad Oku asal

10. **S:** Bolehkah saya mewakili penerima bagi penunaian BR1M 2017 sekiranya penerima tidak mendaftarkan maklumat waris pada borang BR1M 2017?
- J: Tidak.
Waris yang telah didaftarkan oleh penerima di Bahagian D (Maklumat Waris) Borang BR1M 2017 sahaja yang boleh mewakili penerima bagi penunaian BR1M 2017.
11. **S:** Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya maklumat waris / wakil (nama / no. pengenalan) yang telah didaftarkan salah semasa penunaian di BSN?
- J: Anda perlu hadir ke LHDNM beserta Borang Kegagalan Tuntutan BR1M / SKK yang dikeluarkan oleh BSN untuk tindakan selanjutnya.
12. **S:** Apakah tindakan yang perlu saya ambil sekiranya waris / wakil yang saya daftarkan telah meninggal dunia?
- J: Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:
- i. Sekiranya tempoh permohonan masih belum ditutup, anda perlu mengisi semula borang permohonan BR1M 2017; atau
 - ii. Sekiranya tempoh permohonan telah ditutup, anda perlu mengisi borang kemas kini maklumat waris (BK-20); dan
 - iii. Kemukakan ke LHDNM yang berhampiran.
13. **S:** Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya penerima telah meninggal dunia dan waris asal yang didaftarkan tidak boleh menuntut bagi pihak penerima kerana mempunyai masalah kesihatan / hubungan / berada di luar negara?
- J: Waris asal yang masih hidup perlu memberi keizinan pertukaran kepada waris baru. Waris baru boleh membuat kemas kini maklumat waris dengan mengemukakan surat keizinan pertukaran waris daripada waris asal. Hubungan waris baru yang dibenarkan adalah terhad kepada ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik kepada penerima.
14. **S:** Bolehkah saya mewakili penunaian BR1M 2017 bagi penerima yang bekerja / menetap / belajar / dipenjarakan di luar negara semasa tempoh pembayaran?
- J: Tidak. Bagi individu yang bekerja / menetap / belajar / dipenjarakan di luar negara tidak layak untuk menerima BR1M 2017.

15. **S: Bolehkah saya mewakili penunaian BR1M 2017 penerima yang telah menghilangkan diri?**
- J: Penunaian hanya boleh dilakukan oleh wakil yang berdaftar sahaja oleh penerima di Bahagian D (Maklumat Waris) Borang BR1M 2017. Wakil perlu kemukakan:
- i. Baucar / Surat Makluman LULUS BR1M 2017 asal penerima
 - ii. Kad pengenalan (asal atau salinan) penerima
 - iii. Kad pengenalan (asal dan salinan) wakil
 - iv. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan wakil / waris
 - v. Laporan Polis berkenaan penerima menghilangkan diri
16. **S: Bolehkah waris membuat penunaian / tuntutan BR1M 2017 bagi penerima BR1M 2017 yang telah meninggal dunia sebelum atau pada 4 Disember 2016?**
- J: Waris tidak boleh membuat penunaian atau tuntutan BR1M 2017 bagi pihak penerima. Ini kerana penerima telah meninggal dunia sebelum tempoh pendaftaran BR1M 2017 dan tidak layak menerima BR1M 2017.
17. **S: Bolehkah waris membuat penunaian / tuntutan BR1M 2017 bagi pihak penerima BR1M 2017 yang telah meninggal dunia mulai 5 Disember 2016 sehingga 31 Disember 2016?**
- J: Anda tidak layak untuk membuat tuntutan BR1M 2017 sekiranya waris penerima telah menuntut SKK BR1M 2016.
Sekiranya waris belum menuntut SKK BR1M 2016, tuntutan BR1M 2017 (tidak termasuk SKK BR1M 2017) boleh dibuat oleh waris yang telah didaftarkan dan tuntutan perlu dibuat mengikut fasa pembayaran BR1M 2017.
18. **S: Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan tidak mendaftarkan waris, adakah saya boleh mengemaskini maklumat waris walaupun mempunyai hubungan waris seperti yang ditetapkan?**
- J: Kemas kini maklumat waris boleh dibenarkan jika wujud maklumat isi rumah pada Borang asal BR1M 2017 dan terhad kepada hubungan ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik.
19. **S: Adakah saya masih boleh mengemas kini maklumat waris sekiranya pilihan sebelum ini adalah TIADA WARIS?**
- J: Boleh. Kemas kini waris hanya boleh dibuat oleh **penerima sahaja** di LHDNM yang berhampiran mulai 3 April 2017 sehingga 31 Mei 2017.
20. **S: Bolehkah penukaran maklumat waris dibuat?**
- J: Boleh. Penukaran maklumat waris yang telah didaftarkan boleh dibuat oleh **penerima sahaja** di LHDNM yang berhampiran mulai 3 April 2017 sehingga 31 Mei 2017.

21. **S:** Pemohon telah meninggal dunia dan lulus Fasa 1 tetapi gagal mengemukakan dokumen pengesahan pendapatan semasa tempoh rayuan bagi pengesahan pendapatan untuk pembayaran Fasa 2 dan Fasa 3. Adakah waris boleh membuat tuntutan SKK dan BR1M 2017?
- J: Waris yang didaftarkan hanya boleh menuntut pembayaran Fasa 1 BR1M 2017 sekiranya pembayaran berkenaan belum dituntut dengan hadir ke LHDNM yang berhampiran untuk tindakan selanjutnya. Tuntutan SKK dan baki BR1M 2017 adalah tidak dibenarkan.
22. **S:** Saya telah hadir ke BSN untuk mewakili pemohon bagi penunaian Fasa 1 tetapi gagal dengan alasan sekatan oleh BSN. Apa yang perlu saya lakukan?
- J: Tuan perlu hadir ke LHDNM untuk semakan dan kemas kini maklumat waris bagi membolehkan tuntutan Fasa 1 dibuat di BSN.
23. **S:** Pasangan saya telah lulus RM1200 dan pembayaran penuh BR1M 2017 telah diterima kerana beralamat di pedalaman Sabah / Sarawak. Bolehkah tuntutan SKK dibuat kerana semasa permohonan BR1M, maklumat waris tidak didaftarkan?
- J: Boleh, sekiranya permohonan BR1M 2017 pemohon wujud maklumat isi rumah (Pasangan / Tanggungan). Pasangan / tanggungan berkenaan boleh mengemaskini maklumat waris (terhad kepada hubungan ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik) di LHDNM yang berhampiran. Permohonan kemas kini maklumat waris yang dibuat mulai 3 April 2017 sehingga 31 Mei 2017, tuntutan SKK boleh dibuat mulai Ogos 2017.
24. **S:** Saya telah lulus BR1M 2017 bagi kategori Bujang (RM450) dan tidak berkeupayaan untuk membuat penunaian di BSN. Manakala waris yang didaftarkan juga telah meninggal dunia. Adakah pertukaran waris baru boleh dibuat?
- J: Boleh, pertukaran waris baru boleh dibuat di LHDNM yang berhampiran dengan membawa salinan sijil kematian waris asal bersama dokumen pertalian dengan pemohon dan terhad kepada hubungan ibu / bapa / pasangan / anak / adik-beradik. Permohonan kemas kini maklumat waris yang dibuat mulai 3 April 2017 sehingga 31 Mei 2017, penunaian boleh dibuat mulai Ogos 2017.
25. **S:** Sekiranya waris telah membuat tuntutan SKK BR1M 2017, bilakah waris boleh membuat penunaian BR1M 2017?
- J: Penunaian BR1M 2017 boleh dibuat seperti berikut:
- i. **Tuntutan SKK BR1M 2017 semasa Fasa 1** – Waris boleh membuat penunaian baki BR1M 2017 sekaligus mulai 10 Mac 2017.